

Kem Bahasa Arab Sebagai Medium Pemantapan Kemahiran Bahasa Arab

Arabic Camp As An Enhancement Medium In Arabic Language Skill

Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad¹, Salmah Ahmad², Hakim Zainal³ & Kaseh Abu Bakar⁴

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
2 APRIL 2018	19 NOVEMBER 2018	27 NOVEMBER 2018

ABSTRAK

Kajian lepas menunjukkan bahawa pelajar Melayu kurang keyakinan berinteraksi dalam bahasa Arab sama ada sesama rakan mahupun penutur jati. Kajian juga melaporkan bahawa aktiviti ko-kurikulum bahasa Arab seperti kem bahasa, bulan bahasa, minggu bahasa dan program mentor-mentee dapat meningkatkan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Kajian ini bertujuan mengenal pasti aktiviti-aktiviti dalam kem Bahasa Arab yang dapat membantu pemantapan kemahiran bahasa para pelajar, di samping mengkaji kesan pelaksanaan aktiviti tersebut terhadap peningkatan keyakinan diri pelajar dalam kemahiran bahasa. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah soal selidik dan pemerhatian bagi mengumpul data kuantitatif dan kualitatif. Responden terdiri daripada pelajar tahun 3 Program Pengajian Arab dan Tamadun Islam semester 2 sesi 2014/2015 yang mengikuti perkhemahan bahasa di Nur Bukit Unggul, Sepang Selangor Darul Ehsan pada 22-24 Mei 2015. Dapatan kajian menunjukkan bahawa antara aktiviti yang paling diminati pelajar dan sangat membantu pemantapan kemahiran berbahasa mereka ialah al-muqabalah al-maftuhah dan Sayd al-kunuz (97%), diikuti dengan aktiviti al-maw'izah al-Hasanah dan al-^cArd al-tamthili (92%) serta al-Munazarah al-maftuhah (89%). Manakala item keyakinan diri pelajar untuk berinteraksi dengan penutur Arab jati menunjukkan peratusan paling tinggi berbanding item lain.

Kata Kunci: Kem Bahasa Arab, Medium Pemantapan, Kemahiran Bahasa

ABSTRACT

The previous studies have showed that most of Malay students have a low level of self confidence to interact in Arabic language, whether with native speaker or their fellow friends. The study has reported that the extra-curricular activities such as Arabic language camp, arabic days of the week/month and mentor-mentee program contribute in improving the arabic skill among students. the purpose of this study is to identify the activities in arabic camp that would help student in enhancing their arabic language skill. This study also aims to identify the impact of the implementation of these activities to improve students' self confidence in their language skill. This study was conducted using questionnaires and observation methods to obtain the quantitative and qualitative data. Respondents were the third year student in the Program in Arabic and Islamic Civilization for second semester

¹ Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad, PhD. Pusat Rantau Timur Tengah dan Nusantara, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, suzail@ukm.edu.my

² Salmah Ahmad, PhD. Pusat Rantau Timur Tengah dan Nusantara, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, salni@ukm.edu.my

³ Hakim Zainal, Master. Pusat Rantau Timur Tengah dan Nusantara, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, haza@ukm.edu.my

⁴ Kaseh Abu Bakar, PhD. Pusat Rantau Timur Tengah dan Nusantara, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, kaseh@ukm.edu.my

session 2014/2015, who participated the Arabic camp at Bukit Unggul Nur, Sepang, Selangor Darul Ehsan on 22nd until 24th May 2015. The result shows that among the most interested activities which help student in improving and strengthening their Arabic skills are al-muqabalah al-maftuhah dan Sayd al-kunuz (97%), al-maw'izah al-Hasanah dan al-^cArd al-tamthili (92%) and al-Munazarah al-maftuhah (89%). While for item the self confidence of students to interact with native speaker showed the highest percentage compared to other items.

Keywords: Arabic Camp, Enhancement Medium, Arabic Language Skill

1.0 PENGENALAN

Mempelajari sesuatu bahasa bukanlah satu hal yang mudah, ia memerlukan usaha dan kegigihan yang kuat bagi menjadikan seseorang itu mahir dalam sesuatu bahasa. Sebagai contoh, untuk mempelajari bahasa Sepanyol dan Perancis ianya memerlukan 480 jam untuk menguasai bahasa tersebut. Untuk mempelajari bahasa Arab pula, ia memerlukan kepada 1320 jam untuk menguasainya (Hadley 2001). Hal ini disebabkan bahasa Arab memiliki sistem gramatikal yang agak kompleks dan memiliki kata terbitan (*Derivational Morphology*) yang cukup luas dan tidak mampu untuk dipelajari dalam masa yang singkat (Alghothani 2010).

Pengajaran bahasa Arab di Malaysia menetapkan matlamat agar pelajar mampu menguasai empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, membaca, bercakap dan menulis (Zawawi 2011). Bagaimanapun, kajian Ab. Halim (2007) dan Sueraya et al. (2010) mendapati bahawa penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar lepasan Institusi Pengajian Tinggi Awam (selepas ini dirujuk sebagai IPTA) yang mengambil pengkhususan bahasa Arab tidak mencapai tahap kecekapan berbahasa yang baik. Di samping itu, kemerosotan penguasaan bahasa Arab turut sama berlaku dalam kalangan graduan universiti khususnya pelajar lepasan bahasa Arab dari IPTA Malaysia (Abd. Rahim 2004).

Dalam kajian berkaitan dengan masalah pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Terendak, Abd. Ghani (1993) mendapati bahawa pelajar tidak jelas tentang matlamat pembelajaran bahasa Arab. Sebahagian besar daripada mereka mempunyai minat yang rendah, tidak bercita-cita untuk melanjutkan pelajaran Bahasa Arab ke peringkat lebih tinggi, tidak mempunyai peluang bertutur dan mengamalkan apa yang telah dipelajari di dalam atau di luar kelas. Kajian ini juga mendapati guru-guru kurang menggunakan alat bantu mengajar. Para guru dan juga pelajar didapati tidak mengadakan aktiviti-aktiviti kokurikulum Bahasa Arab.

Walhal, terdapat pelbagai cara dan pendekatan yang boleh digunakan bagi memantapkan penguasaan bahasa Arab pelajar. Pendekatan ini termasuklah kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru. Secara umumnya terdapat dua strategi pengajaran dan pembelajaran yang biasa digunakan oleh guru ketika menyampaikan isi pelajaran iaitu strategi berpusatkan guru dan strategi berpusatkan murid. Strategi pemusatan guru adalah strategi pengajaran dan pembelajaran tradisi yang telah lama diamalkan dalam bilik darjah. Melalui strategi ini guru memainkan peranan yang penting, sedangkan murid hanya berperanan sebagai penonton sahaja. Interaksi yang berlaku antara murid dan guru adalah sehalu dan yang lebih banyak bercakap ialah guru sedangkan pelajar hanya bertindak sebagai

pendengar dan penerima sahaja. Antara contoh teknik yang digunakan mengikut strategi ini adalah seperti demonstrasi, bercerita, memberi penerangan dan syarahan (Azani et al. 2012).

Tanpa melihat tahap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sama ada pada peringkat rendah mahupun peringkat tinggi, proses pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar bukan penutur jati seperti pelajar Melayu di Malaysia yang melibatkan aktiviti di luar bilik darjah mampu memberi kesan positif dalam peningkatan pemerolehan bahasa. Aktiviti bahasa di luar bilik darjah yang dijalankan secara berstruktur dengan mementingkan aspek pemerolehan kemahiran berbahasa mampu memberi motivasi kepada pelajar dalam proses pembelajaran bahasa. Pembentukan suasana belajar yang melibatkan penggunaan pancaindera insan dalam situasi tertentu di luar ruang bilik darjah memberi banyak manfaat kepada pelajar terutama dalam proses pemerolehan perbendaharaan kata. Dengan perbendaharaan kata yang mencukupi, ia dapat membantu pelajar dalam meningkatkan tahap penguasaan kemahiran berbahasa (Mohd Firdaus et al. 2014).

Melihat kepada pentingnya aktiviti luar kelas dilaksanakan, maka Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam (sekarang dikenali sebagai Pusat Rantau Timur Tengah dan Nusantara) mengambil inisiatif untuk mewajibkan setiap pelajar jabatan mesti mengikuti sekurang-kurangnya satu perkhemahan bahasa atau dikenali sebagai Mu'askar Lughawi sebelum mereka menamatkan pengajian Sarjana Muda di jabatan. Hal ini bagi menyediakan ruang dan peluang kepada para pelajar bagi memantapkan kemahiran bahasa Arab mereka.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Di luar negara, aktiviti kokurikulum turut ditekankan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sebagai contoh, *Kingston International College* di Australia menyediakan pelbagai aktiviti kokurikulum untuk disertai oleh pelajar-pelajarnya pada cuti semester. Ini, bermaksud, proses pembelajaran berlaku sepanjang tempoh pembelajaran walaupun pada masa cuti. Oleh itu, pelajar dapat menambah kemahiran serta pengetahuan yang tidak dapat dipelajari di dalam kelas pada waktu cuti tanpa rasa tertekan di samping mengelakkan pelajar-pelajarnya menghabiskan cuti dengan aktiviti yang tidak berfaedah (*Kingston International College*, 2007).

Ahmad & Hisyam (2009) mendapati bahawa aktiviti kokurikulum yang disertai oleh pelajar mampu meningkatkan keterampilan diri dalam usaha untuk melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran sebelum menempuh alam pekerjaan yang lebih mencabar. Di samping itu, aktiviti kokurikulum juga didapati mampu meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah (Noor Azyani & Ahmad Esa 2012). Wan Azura (2011) juga sependapat dalam hal ini. Kajian beliau menunjukkan bahawa aktiviti kokurikulum bahasa Arab seperti kem bahasa, bulan bahasa, minggu bahasa dan program mentor-mentee memainkan peranan yang amat penting dalam meningkatkan penguasaan pelajar dalam bahasa Arab. Namun begitu, kajian itu juga mendedahkan kegagalan beberapa program bahasa memenuhi objektif program kerana beban yang berlebihan daripada aktiviti yang dirancang.

Satu kajian yang dijalankan oleh Khairuzzaman et.al (2012) mendapati bahawa kem bahasa Arab memberi kesan positif kepada pelajar melalui peningkatan tahap minat dan motivasi mereka terhadap kursus kemahiran bahasa Arab. Sebanyak 68.4% peserta kem bersetuju bahawa aktiviti yang dijalankan dalam kem dapat membantu menyelesaikan permasalahan pembelajaran bahasa Arab yang dihadapi oleh mereka. Beliau turut

mencadangkan kajian lanjutan berkaitan kem bahasa Arab yang perlu dilakukan iaitu kajian kesesuaian dan keberkesanan aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam kem bahasa Arab.

Kajian Hairun Najuwah et al. (2016) juga menunjukkan bahawa teknik main peranan (role play) dapat membantu mengatasi permasalahan pelajar ketika bertutur bahasa Arab. Kaedah ini dijadikan satu plan tindakan bagi meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar Kolej Universiti Islam selangor (KUIS). Kajian ini menyokong kajian sebelumnya; Nur Syaifura 2011, Azani et al. 2012, Rosni Samah et al. 2013 dan Nik Murshidah et al. 2014 yang mengatakan bahawa teknik main peranan, pembelajaran berpusatkan pelajar dan aktiviti berinteraksi dapat memberi keyakinan kepada para pelajar untuk bertutur dalam bahasa Arab.

Bertitik tolak daripada kajian di atas, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti aktiviti dalam kem bahasa Arab yang dapat membantu pemantapan kemahiran bahasa para pelajar kesesuaian dan keberkesanan aktiviti-aktiviti dalam kem bahasa Arab di samping melaporkan kesan pelaksanaan aktiviti dalam kem bahasa Arab terhadap peningkatan keyakinan diri pelajar dalam kemahiran bahasa. Kajian ini diharap dapat membantu Program Pengajian Arab dan Tamadun Islam untuk memilih dan merancang aktiviti-aktiviti kem bahasa Arab yang lebih baik dan berkesan bagi menyediakan kem bahasa Arab atau *Mu'askar Lughawi* yang benar-benar boleh menjadi wadah pemantapan kemahiran bahasa dalam kalangan para pelajar khususnya pelajar Pusat Rantau Timur Tengah dan Nusantara.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian penyelidikan kuantitatif yang menggunakan dua kaedah pengumpulan data, iaitu:

- a. Kaedah soal selidik, terdapat dua bentuk soalan yang digunakan, iaitu soalan tertutup dan soalan terbuka.
- b. Kaedah penilaian dan pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji sebagai fasilitator yang terlibat dalam kem bahasa Arab terhadap peserta selama mengikuti kem tersebut.

Responden kajian terdiri daripada para pelajar tahun 3 Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam semester 2 sesi 2014/2015 yang menjadi peserta Kem bahasa Arab di Nur Bukit Unggul, Sepang pada 22 hingga 24 Mei 2015. Pelajar terbahagi kepada dua kumpulan iaitu kumpulan modul bahasa dan modul sejarah. Seramai 55 orang pelajar telah mengikuti kem ini, bagaimanapun hanya 38 orang responden sahaja yang mengembalikan borang soal selidik.

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang mengandungi 4 bahagian:

Jadual 1: Instrumen Soal Selidik

Bahagian	Tajuk	Bil. Item
Bahagian A	Latar belakang pelajar	3 soalan
Bahagian B	Penilaian pelajar terhadap aktiviti perkhemahan	10 soalan
Bahagian C	Kesan pembelajaran	11 soalan
Bahagian D	Maklum balas penting berkaitan aktiviti yang dijalankan	3 soalan

Bahagian A dan bahagian D menggunakan bentuk soalan terbuka. Bahagian B menggunakan soalan berskala Likert melalui empat pilihan jawapan mengikut susunan ‘amat

tidak bermanfaat' (skala 1), 'tidak bermanfaat' (skala 2), 'bermanfaat' (skala 3) dan 'amat bermanfaat' (skala 4). Manakala bahagian C, juga menggunakan soalan berskala Likert melalui 4 pilihan jawapan, namun mengikut susunan 'sangat tidak setuju' (skala 1) 'tidak setuju' (skala 2), 'setuju' (skala 3) dan 'sangat setuju' (skala 4).

Bagi memudahkan analisis bahagian B dan C, pengkaji mengumpulkan skala 3 "Bermanfaat" dan skala 4 "Amat Bermanfaat" untuk mengenal pasti aktiviti kem bahasa Arab yang paling bermanfaat kepada para pelajar. Begitu juga pada bahagian C, pengkaji mengumpulkan skala 3 "Setuju" dan skala 4 "Sangat Setuju" bagi mengetahui kekerapan dan peratusan kesan pelaksanaan aktiviti tersebut terhadap peningkatan keyakinan diri pelajar dalam kemahiran bahasa. Analisis deskriptif dilakukan untuk melihat taburan kekerapan dan peratusan data dalam kedua-dua bahagian ini.

4.0 AKTIVITI DALAM KEM BAHASA ARAB

Berikut adalah antara aktiviti utama yang dijalankan dalam kem bahasa Arab:

4.1 *al-Muqabalah al-maftuhah* (Temuduga terbuka)

Aktiviti ini bertujuan menyediakan pelajar pengalaman pertama berhadapan dengan situasi temuduga secara terbuka dalam bahasa Arab. Lima kategori pekerjaan dipilih berdasarkan agensi-agensi yang menjadi keutamaan atau pilihan pelajar untuk bekerja setelah tamat pengajian, iaitu guru atau pensyarah bahasa Arab, pegawai agama, penterjemah, pemandu pelancong dan wartawan. Terdapat lima meja yang mewakili lima agensi Pendidikan dan Institut Pengajian Tinggi, *Jabatan-jabatan Agama Islam, Institut Terjemahan dan Buku Malaysia, Pusat Berita Bernama* dan Agensi Pelancungan dibuka dalam kem bahasa Arab. Para pelajar dibahagikan kepada lima kumpulan. Setiap pelajar memilih dua agensi yang diminati untuk ditemuduga dalam bahasa Arab. Setiap pelajar dikehendaki membawa dokumen dan salinan sijil yang berkaitan. Setiap agensi memilih tiga pelajar yang terbaik dan layak untuk menjawab jawatan yang ditawarkan.

Walaupun aktiviti ini bukanlah situasi sebenar dan penemuduga juga bukanlah wakil daripada agensi sebenar, namun aktiviti ini mendapat respon yang positif daripada para pelajar. Para pelajar merasa seolah-olah mereka benar-benar berada dalam suasana temuduga sebenar. Mereka berpeluang merasai pengalaman kali pertama ditemuduga dalam bahasa Arab dan dapat memanfaatkan pengalaman ini selepas tamat pengajian di kemudian hari. Aktiviti ini juga dilihat dapat menyuntik semangat para pelajar untuk mendalami bahasa Arab. Semangat untuk memahirkan diri dalam komunikasi bahasa Arab juga bertambah mendalam apabila di akhir program, tiga orang calon yang layak menjawab jawatan di setiap agensi terbut diumumkan dan diberi hadiah kerana berjaya dalam temuduga tersebut.

4.2 *al-Munazarah al-maftuhah* (Debat terbuka)

Bagi aktiviti ini, para pelajar sudah diberi maklumat awal tentang tajuk yang akan diperdebatkan dua hari sebelum berlangsungnya Mu'askar Lughawi. Bagaimanapun para pelajar hanya ditentukan posisi mereka sama ada di pihak kerajaan atau pembangkang ketika pertandingan debat hendak berlangsung. Saringan pertama dijalankan serentak di dua dewan berlainan bagi memilih empat pendebat terbaik bagi setiap dewan. Empat pendebat terbaik di dewan I dan empat pendebat terbaik di dewan II akan mewakili kumpulan mereka dalam

pertandingan akhir. Aktiviti debat terbuka ini dapat mencabar kelaziman dan kebiasaan para pelajar yang telah bersedia dengan teks dan berlatih lebih awal. Situasi terpaksa mengemukakan hujah serta mengutarakan bantangan secara spontan dan langsung dapat melatih para pelajar berhadapan dengan sebarang situasi luar jangkaan.

4.3 *Ilqa' al-maw'izah al-hasanah* (Menyampaikan nasihat yang baik)

Setiap kumpulan diberi tajuk tertentu untuk dibincangkan dalam kumpulan. Mereka diminta menghantar dua orang wakil bagi kumpulan mereka untuk menyampaikan hasil perbincangan dan pendapat ahli kumpulan. Pelajar yang menjadi wakil kumpulan yang dapat menyampaikan hasil perbincangan mereka dengan baik akan diberi markah dan hadiah kerana berani bercakap di hadapan khalayak untuk memberi pendapat. Aktiviti seumpama ini dapat membantu para pelajar berkolaborasi dan saling membantu antara satu sama lain bagi menyelesaikan sebarang tugas. Hal ini dapat meningkatkan tahap keyakinan diri seseorang untuk menyampaikan idea atau pandangan yang sudah dibincangkan dalam kumpulan. Perbincangan dalam kumpulan yang kecil juga dapat membantu para pelajar yang kurang berkemampuan untuk berkomunikasi di hadapan khalayak yang ramai dan memberanikan diri untuk mengutarakan idea mereka.

4.4 *al-'Ard al-tamthili* (Persembahan lakonan)

al-'Ard al-tamthili ialah aktiviti persembahan secara kumpulan. Para peserta diberi kebebasan untuk memilih apa sahaja bentuk persembahan seperti lagu, lakonan dan sebagainya. Setiap persembahan diwajibkan menggunakan bahasa Arab sepenuhnya dan mereka diberi ruang masa mengadakan perbincangan dalam kumpulan masing-masing dan membuat persiapan untuk menghasilkan *al-'ard al-tamthili* tersebut. Persembahan secara berkumpulan ini juga dapat menjana kemahiran interpersonal para pelajar, di samping dapat meningkatkan kemahiran komunikasi.

4.5 *Sayd al-Kunuz al-'Ilmiah* (Pencarian khazanah ilmu)

Pelaksanaan aktiviti ini adalah sama seperti aktiviti *treasure hunt* yang dijalankan oleh mana-mana pihak, tetapi perbezaan yang ketara adalah dari segi implementasi bahasa Arab. Setiap sub-aktiviti menggunakan bahasa Arab sepenuhnya, para peserta diminta melakukan pelbagai sub-aktiviti mengikut arahan yang telah ditetapkan. Bagi merealisasikan segala bentuk arahan tersebut, setiap individu dalam kumpulan mestilah berperanan sepenuhnya supaya mereka dapat memahami arahan dengan tepat dan betul seterusnya berjaya melaksanakan arahan tersebut. Para peserta diwajibkan berbincang dan berkomunikasi menggunakan bahasa Arab, mereka diminta membawa kamus bahasa Arab dan segala pergerakan mereka di setiap hentian (*check-point*) akan diawasi oleh fasilitator. Fasilitator juga berperanan membimbing dan membantu mana-mana kumpulan yang menghadapi masalah.

Aktiviti ini dianggap sebagai aktiviti yang santai oleh para pelajar namun amat bermanfaat kerana tidak memerlukan persediaan dan penyediaan teks sebelum atau ketika aktiviti berlangsung. Di samping itu, para pelajar perlu berhadapan dengan lapan hentian yang dipenuhi dengan pelbagai aktiviti yang menarik, mencabar minda dan menguji pengetahuan akademik mereka. Aktiviti seumpama ini juga dapat membantu pelajar mengingat semula istilah-istilah bahasa yang biasa digunakan sebelum ini. Aktiviti menunjuk arah dalam bahasa Arab boleh menjadi panduan kepada pelajar sekiranya berhadapan dengan situasi yang memerlukan khidmat tunjuk arah daripada seseorang.

Terdapat lapan hentian (*check-point*) yang ditetapkan dalam aktiviti ini, setiap kumpulan mesti menyiapkan tugas sebelum berpindah ke hentian seterusnya. Kumpulan yang berjaya menyiapkan semua tugas bagi kelapan-lapan hentian dikira sebagai kumpulan terbaik dan layak mendapat hadiah.

Jadual 6: Hentian (*check point*) bagi *Sayd al-kunuz al-‘ilmiah*

Hentian	Khazanah	Tempoh masa
Satu	Kosa kata	15 Minit
Dua	Ungkapan	15 Minit
Tiga	Morfologi	15 Minit
Empat	Bilangan	15 Minit
Lima	Bentuk dan warna	15 Minit
Enam	Ayat	15 Minit
Tujuh	Peta dan arah	15 Minit
Lapan	Permainan	15 Minit

Kelima-lima aktiviti di atas telah dirancang dan dilaksanakan dalam kem bahasa Arab menjurus kepada empat kemahiran bahasa utama (membaca, bertutur, menulis dan mendengar) dan satu kemahiran interpersonal:

Jadual 5: Aktiviti-aktiviti kem bahasa Arab berdasarkan lima kemahiran bahasa

Aktiviti	Kemahiran				
	Membaca	Bertutur	Menulis	Mendengar	Interpersonal
1. Menyampaikan Nasihat yang baik		√		√	√
2. Temuduga terbuka		√		√	√
3. Debat terbuka		√		√	√
4. Persembahan lakonan		√		√	√
5. Pencarian khazanah ilmu	√	√	√	√	√
i. Kosa kata	√		√		
ii. Ungkapan	√		√		
iii. Morfologi	√		√		
iv. Bilangan	√	√		√	
v. Bentuk dan warna		√		√	√
vi. Ayat		√		√	√
vii. Peta dan arah	√	√	√	√	√
viii. Permainan	√				√

Setiap aktiviti diolah untuk mencapai kemahiran tertentu. Terdapat beberapa aktiviti menghasilkan dua atau lebih kemahiran yang sama tetapi berbeza peratusan atau penumpuan bagi kemahiran-kemahiran yang hendak dihasilkan.

5.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan dua dapatan utama kajian ini, iaitu:

1. Aktiviti yang paling bermanfaat kepada pelajar
Kelima-lima aktiviti utama mendapat kekerapan dan peratusan yang paling tinggi sebagaimana tertera dalam jadual di bawah:

Jadual 7: Aktiviti kem bahasa Arab yang paling bermanfaat kepada pelajar

Nama Aktiviti	Kekerapan	Peratusan
Temuduga terbuka	37	97
Pencarian khazanah ilmu	37	97
Menyampaikan nasihat yang baik	35	92
Persembahan lakonan	35	92
Debat terbuka	34	89

Sumber: Soal Selidik, 2015

Hampir 100 % pelajar bersetuju bahawa aktiviti ‘temuduga terbuka’ dan ‘pencarian khazanah ilmu’ amat bermanfaat kepada mereka. Aktiviti ‘temuduga terbuka’ dan ‘pencarian khazanah ilmu’ mendapat kekerapan dan peratusan paling tinggi, iaitu 97%, diikuti dengan aktiviti ‘menyampaikan nasihat yang baik’ dan ‘persembahan lakonan’ sebanyak 92%. Manakala aktiviti ‘debat terbuka’ juga mendapat peratusan yang agak tinggi, iaitu 89%. Walaupun sesi temuduga terbuka ini baru pertama kali dilaksanakan dalam kem bahasa Arab, namun sambutan dan keterujaan para pelajar untuk sesi ini sangat mengkagumkan urus setia kem dan para pensyarah. Kesungguhan para peserta menyediakan keperluan-keperluan asas seperti biodata diri dan sijil-sijil berkaitan, mencari maklumat berkaitan agensi atau syarikat yang menawarkan pekerjaan, berlatih memperkenalkan diri serta menjawab soalan dalam bahasa Arab merupakan simulasi seperti mereka sedang berhadapan dengan situasi sebenar, iaitu situasi menghadiri temuduga kerja. Ditambah dengan majoriti pelajar hadir awal ke tempat temuduga dengan berpakaian kemas menunjukkan aktiviti ini benar-benar dapat meninggalkan kesan yang positif kepada para peserta.

2. Kesan pelaksanaan aktiviti dalam kem bahasa Arab

Kesan pelaksanaan aktiviti dalam kem bahasa Arab dapat dilihat dalam jadual di bawah:

Jadual 8: Kesan pelaksanaan aktiviti dalam kem bahasa Arab

ITEM	KENYATAAN	Kekerapan	Peratus
C1	Bertutur bahasa Arab untuk perkara seharian	33	86.8%
C2	Peluang berinteraksi dengan penutur Arab Jati	35	92.1%
C3	Bertutur dengan rakan-rakan dalam bahasa Arab	32	84.2%
C4	Debat dalam bahasa Arab	30	78.9%
C5	Menghadapi temuduga dalam bahasa Arab	32	84.2%
C6	Berlakon dalam bahasa Arab	31	81.2%
C7	Mengaplikasi pengetahuan nahu dan sorof dalam pertuturan Arab	30	78.9%
C8	Mengekspresi diri dalam bahasa Arab	31	81.2%
C9	Mengajukan soalan dalam bahasa Arab	32	84.2%
C10	Menjawab soalan dalam Bahasa Arab	32	84.2%
C11	Menunjuk arah dalam bahasa Arab	16	42.1%

Sumber: Soal Selidik, 2015

Daripada jadual di atas, item C2 mendapat peratusan paling tinggi, iaitu 92.1% diikuti dengan item C1 86.8%, manakala C5, C9 dan C10 masing-masing mendapat 84.2%. Para pelajar bersetuju bahawa pelaksanaan beberapa aktiviti dalam kem bahasa Arab dapat meningkatkan keyakinan diri mereka untuk berinteraksi dalam bahasa Arab sama ada dengan penutur Arab jati atau sesama mereka. Mereka juga bersetuju bahawa tahap keyakinan diri mereka untuk menggunakan bahasa Arab dalam sesi soal jawab dan temuduga meningkat. Namun begitu dalam item terakhir, iaitu item menunjuk arah dalam bahasa Arab memperoleh peratusan terendah. Hal ini kemungkinan disebabkan oleh kekurangan pendedahan atau keperluan untuk menggunakan kemahiran tersebut dalam aktiviti seharian. Ditambah pula dengan kekangan waktu bagi pelaksanaan aktiviti tersebut dalam kem bahasa Arab.

6.0 KESIMPULAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa sesi temuduga terbuka sangat bermanfaat kepada para pelajar tahun akhir sebagai persediaan awal untuk menceburkan diri di alam kerjaya. Aktiviti yang memerlukan kepada kemahiran bertutur secara spontan dan santai seperti debat terbuka, menunjuk arah dan soal jawab perlu diperbanyakkan kerana aktiviti seumpama itu dapat membiasakan pelajar untuk menghadapi situasi luar jangkauan.

Bagi meningkatkan keyakinan diri pelajar dalam berinteraksi menggunakan bahasa Arab, dicadangkan agar aktiviti kolaborasi dan interpersonal dengan penutur Arab jati sama ada daripada kalangan pensyarah ataupun pelajar siswazah dipelbagai dan diperbanyak. Hal ini secara tidak langsung dapat mengurangkan keresahan dan kekhuatiran pelajar untuk berhadapan dengan orang asing. Hasil daripada program ini juga boleh melayakkan pelajar tempatan mengikuti program mobiliti atau program pengantarabangsaan pelajar.

PENGHARGAAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan dana FRGS/1/2016/SS109/UKM/02/7 dan PTS-2014-071. Jutaan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan UKM atas suntikan dana bagi menjalankan kajian ini.

Rujukan

- Ab. Halim Mohamad. 2007. Masalah Komunikasi Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Bachelor Bahasa Arab di IPTA Malaysia. Prosiding Seminar Penyelidikan Dalam Pengajian Islam Ke-4. Anjuran Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 27-28 Julai.
- Abd. Rahim Hj. Ismail. 2004. *al-Dirāsat al-^cArabiyyah fī al-Dirāsat al-^cUlya wa ^cAlāqātuha bī Tarbiyah al-Lughah al-^cArabiyyah fī Mālīziyā*. Kertas Kerja Seminar Pengajian Tinggi Pendidikan Islam. Fakulti Pendidikan dan Jabatan Pengajian Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 10 Julai.
- Ahmad Bin Esa & Hisham B Jamaludin. 2009. Peranan Kokurikulum di Universiti dalam Membentuk Keterampilan Mahasiswa. International Conference on Teaching and Learning in Higher Education 2009 (ICTLHE09), 23-25 Nov. 2009, Kuala Lumpur.

- Algothani, D. 2010. Foreign Language Anxiety in an Intermediate Arabic Reading Course: A Comparison of Heritage and Foreign Language Learners. Doctoral Dissertation, The Ohio State University.
- Azani Ismail @ Yaakub, Azman Che Mat dan Mat Taib Pa. 2012. Membina Kemahiran Pertuturan Menerusi Aktiviti Lakonan dalam Pengajaran Bahasa Arab. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, Volume 12(1): 325-337.
- Hadley, A. O. 2001. *Teaching Language In Context*. Boston, MA: Heinle & Heinle Publishers.
- Hairun Najuwah Jamali, Awatif Abd Rahman, Ku Fatahiyah Ku Azizan dan Siti Nurhajariah Md Isa. 2016. Membina Kemahiran Bertutur dalam Bahasa Arab melalui Teknik Main Peranan. *E-Journal of Arabic Studies & Islamic Civilization*, Vol 3-2016: 89-100.
- Khairuzaman Kadir, Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad, Khazri Osman, Ummu Hani Hashim dan Nur Syazwina Mustapa. 2012. Keberkesanan Kem Bahasa Arab dalam Meningkatkan Tahap Motivasi dan Keyakinan Pelajar. E-Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKBAR '12) "*Isu-isu Pengajaran Bahasa Arab Peringkat Tinggi dan Menengah*". Anjuran Unit Bahasa Arab, Universiti Kebangsaan Malaysia, 19 Mei 2012.
- Kingston International College. (2007). "*Summer Camp*": <http://www.kingstoncollegeu.au/secretariat/council/generic.html>. Dicapai pada 26 Februari 2008.
- Mohd Firdaus Yahaya, Mohd Shahrizal Nasir, Wan Abdul Hayyi Wan Omar, Zulazhan Ab. Halim, dan Essmat Nasr Sweedan. 2014. Kemahiran Menulis dalam Bahasa Arab Menerusi Aktiviti 'Jawlah Lughawiyah'. *Issues in Language Studies*, 36.
- Nik Murshidah Nik Din, Rahimah Embong, Raja Hazirah Raja Sulaiman, Nooranida Awang, Mohd Taufiq Talib, Zaiton Mustafa dan Normila Noruddin. 2014. Keberkesanan Kaedah Main Peranan dalam Pembelajaran Kemahiran Lisan Arab. Prosiding Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014, 14 September 2014.
- Noor Azyani A.Jalil & Ahmad Esa. 2012. Kemahiran Menyelesaikan Masalah Menerusi Aktiviti Kokurikulum (Khidmat Masyarakat) dalam Kalangan Pelajar. Prosiding Seminar Pendidikan Pasca Ijazah dalam PTV kali ke-2, 2012, 13 Jun 2012.
- Rosni Samah, Mohd Fauzi Abdul Hamid, Shaferul Hafes Sha'ari dan Amizan Helmi Mohamad. 2013. Aktiviti Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab dalam Kalangan Jurulatih Debat. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 13(2), 99-116.
- Wan Azura Bt Wan Ahmad. 2007. Peranan Aktiviti Ko-kurikulum Tambahan Berkaitan Bahasa Arab di USIM dalam Meningkatkan Penguasaan Bahasa Pelajar. Dicapai pada 22 September 2015 daripada <http://ddms.usim.edu.my/handle/123456789/4452?show=full>.